

# UMS pelawa orang ramai sertai Walk For Health 2018

UB 30.3.2018 B3

KOTAKINABALU: Orang ramai dipelawa untuk menyertai program Walk For Health 2018 anjuran Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang akan berlangsung pada 7 April depan.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan FPSK, program berjalan kaki itu akan bermula di Dataran Dewan Canselor UMS seawal jam 7 pagi dengan jarak perjalanan sejauh 1.5 kilometer.

Ia antara lain bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kesihatan dalam

kalangan masyarakat di samping menggalakkan budaya hidup sihat melalui aktiviti berjalan kaki.

Kenyataan itu memaklumkan, tema yang dipilih setiap tahun adalah berbeza-beza bagi memberi penekanan kepada usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu-isu kesihatan global semasa yang khusus.

Bertemakan '*Universal Health Coverage: Everyone, Everywhere*', pada tahun ini program itu turut menyediakan ujian saringan kesihatan, kempen derma

darah dan pameran kesihatan bertempat di Laman Graduan, Dewan Canselor UMS.

Program yang turut mendapat kerjasama penganjuran dari Persatuan Perubatan Desa Sabah (Perdesa), Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) dan Persatuan Pelajar Perubatan (MEDSTAS). UMS diadakan sempena Hari Kesihatan Sedunia yang disambut setiap tahun pada tarikh berkenaan bagi memperingati penubuhan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).